

37/KLIA/2025



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

40 WARGA BANGLADESH DIHALANG MASUK DI KLIA TERMINAL 1, JUMLAH NTL MELONJAK

SEPANG, 12 Ogos 2025 – Seramai 40 warganegara Bangladesh telah diberi Notis Penolakan Masuk (NTL) ke Malaysia oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1) berdasarkan maklumat awal dan trend kemasukan dalam satu operasi pemantauan awal di sini, pagi tadi.

Mereka merupakan sebahagian daripada 134 warganegara asing yang diperiksa sejurus mendarat menerusi dua penerbangan dari Dhaka antara jam 1.00 pagi hingga 6.00 pagi.

Penolakan kemasukan itu dibuat selepas hasil semakan dokumen perjalanan, tujuan kemasukan dan tiket pulang mendapati niat kemasukan mereka mencurigakan serta tidak mematuhi syarat kemasukan yang ditetapkan. Kesemua mereka akan dihantar pulang ke negara asal dalam tempoh 24 jam.

Insiden ini berlaku di tengah-tengah lonjakan lebih 20% kes NTL yang direkodkan di KLIA1 sejak Mei hingga Julai 2025. Jumlah kes NTL ini telah meningkat daripada 900 pada bulan Mei kepada 987 pada sehingga mencecah 1,134 kes pada Julai 2025.

AKPS menegaskan bahawa pemantauan di pintu masuk negara akan terus diperketat, terutamanya pada waktu awal pagi, bagi mengekang cubaan masuk daripada sektor penerbangan berisiko tinggi.

Gambar berkaitan:

[https://drive.google.com/drive/folders/1MdZ3mPpoauKB9VNS3UgA_n4QvPfprNAX?usp=drive link](https://drive.google.com/drive/folders/1MdZ3mPpoauKB9VNS3UgA_n4QvPfprNAX?usp=drive_link)

TAMAT

12 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI